

**INSTRUMEN PENTAKSIRAN STANDARD PRESTASI BAHASA
MALAYSIA
TAHUN 3**

KEMAHIRAN	Membaca
BAND	1
PERNYATAAN STANDARD	Mengetahui asas mendengar-bertutur, membaca dan menulis
DESKRIPTOR	B1 DB 1 Membaca pelbagai ayat secara mekanis
EVIDENS	B1 DB1 E1 Membaca pelbagai pola ayat dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul
AKTIVITI PENTAKSIRAN	Bahan Buku Teks, ms 32 Langkah Pentaksiran 1. Murid membaca petikan yang mengandungi pelbagai pola ayat secara mekanis.

--	--

**INSTRUMEN PENTAKSIRAN STANDARD PRESTASI
BAHASA MALAYSIA TAHUN 3**

NAMA : TARIKH :

KELAS :

RUJUKAN : B1 DB1 E1

Arahan : Baca petikan dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Sahabat yang Baik

Musim tengkujuh telah berakhir. Semua haiwan keluar dari tempat tinggal masing-masing. Ada yang berkicauan dan ada yang bermain di taman rekreasi.

Seperti biasa, tupai keluar dari sarangnya di pohon petai lalu berteriak, **“Arnab! Arnab!”**

Biasanya arnab akan menyahut tetapi pada hari itu, tiada apa-apa jawapan.

Tupai berasa risau lalu ke rumah sahabat baiknya itu tetapi arnab tiada.

Tiba-tiba, tupai terdengar suara keluhan dari belakang stor. Tupai pun bergegas ke sana.

“Eh, arnab! Mengapa?”

“Aduh, sakitnya perutku!”

“Apakah yang telah kaumakan, arnab?” tanya tupai.

“Makanan di dalam plastik itu, tupai.”

“Ini makanan ringan. Lihat, tarikhnya pun sudah luput. Sabarlah,

arnab. Lain kali kamu perlu berhati-hati , ya. Nanti aku beli ubat untukmu. “

“Terima kasih, sahabatku. “

MENGUASAI	
TIDAK MENGUASAI	